

PM mohon rakyat sokong Kerajaan Perpaduan

Bukit Mertajam: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, memohon pengundi khususnya di Pulau Pinang untuk memberi lagi peluang kepada Kerajaan Perpaduan terus mentadbir.

Anwar berkata, walaupun Pilihan Raya Negeri (PRN) nanti tidak akan memberi kesan kepada Kerajaan Persekutuan, pentadbiran negeri sekarang harus diberikan tempoh untuk memimpin Pulau Pinang.

“Bagi tempoh untuk kita membuktikan dengan pentadbiran tata kelola yang baik dan hentikan amalan ‘sakau-menyakau’ demi kemajuan negeri,” katanya pada Majlis Amanat Perdana Menteri bersama penjawat negeri, di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, dengan hasil pentadbiran yang lebih baik, ia akan memberi keadilan kepada orang yang sudah mengorbankan masa dan tenaga untuk memperbaiki ekonomi.

“Dalam hal ini, orang yang banyak berkorban adalah penjawat awam. Jadi, saya akan membuat beberapa pengumuman baik pada Selasa nanti,” katanya.

Pulau Pinang, adalah antara enam negeri, termasuk Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan dan Terengganu, yang akan mengadakan PRN pada tahun ini.

Sementara itu, Anwar, yang juga Menteri Kewangan turut memberi jaminan kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow, bahawa Kerajaan Perpaduan akan terus membantu memajukan negeri itu sebagai pusat penyelidikan industri digital.

Beliau berkata, sebelum ini, Pulau Pinang agak ketinggalan dalam beberapa projek, jadi selepas Kerajaan Perpaduan ditubuhkan, perhatian diberi kepada projek besar itu. BERNAMA